

Lima daerah ditenggelami air

SHAH ALAM - Fenomena air pasang besar yang dikaitkan dengan gerhana bulan penumbra sejak kelmarin telah menenggelamkan 13 kawasan di lima daerah di negeri ini termasuk di tempat tumpuan pelancong, Pantai Remis di Kuala Selangor.

Selain pantai itu, daerah lain yang terkesan dengan fenomena itu termasuk Klang, Sabak Bernam, Tanjung Karang dan Puteri Kelanang, Banting.

Penolong Pengarah Operasi Bomba Selangor, Mohd. Sani Harul berkata, limpahan air mula berlaku kira-kira pukul 5.30 pagi dan mula surut antara satu hingga dua jam selepas itu tanpa melibatkan kehilangan nyawa.

"Mereka yang tinggal di berhampiran atau laut perlu berwaspada dan mengambil langkah keselamatan ekoran jangkaan air laut pasang tinggi akan berlaku dalam tempoh beberapa hari lagi," katanya di sini semalam.


Tambahnya, dua pusat pemindahan mangsa banjir telah dibuka di Dewan Orang Ramai Kampung Tok Muda, Kapar dan Balai Raya Lorong Hamzah 2, Jalan Bagan Pasir, Tanjung Karang.

Air pasang besar turut menenggelamkan beberapa kawasan di Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS) di Sabak Bernam yang menempatkan 4,600 pelajar.

Pengarahnya, Norehan Md. Shariff berkata, padang, asrama pelajar dan kediaman kakitangan PSIS turut ditenggelami air antara 0.3 hingga 0.9 meter.

"Ini merupakan kejadian banjir terburuk berlaku di sini. Banjir berlaku sekitar pukul 5 pagi dan surut kira-kira tiga jam kemudian," katanya yang memberitahu sesi pembelajaran berjalan seperti biasa.

Dalam pada itu, Ahli Parlimen Kuala Selangor merangkap Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Datuk Seri Dr. Irmohizam Ibrahim (**gambar kecil**) berharap agar syarikat swasta tampil untuk membantu meringankan beban mangsa fenomena tersebut.



"Selain itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan juga pejabat kesihatan diminta menghulurkan bantuan.

"Penduduk mengalami trauma memandangkan air pasang besar dijangka akan berlaku lagi dalam tempoh terdekat," katanya dalam satu kenyataan.

Tambah Irmohizam, kerajaan negeri juga diharapkan dapat membaik-pulih saluran parit yang tersumbat dan ban yang pecah kerana dikhuatiri akan menyebabkan air terus bertakung sekiranya tindakan segera tidak diambil.


Sementara itu di Sungai Petani, Kedah, sebanyak 432 penduduk daripada 113 keluarga di beberapa buah kampung di mukim Kuala dan Haji Kudung, Kota Kuala Muda telah dipindahkan ekoran fenomena tersebut.

Mereka yang terlibat ialah penduduk di Kampung Padang Salim, Kampung Paya, Kampung Sungai Yu dan Bukit Meriam.

Pegawai APM Daerah Kuala Muda, Leftenan Muda Azahar Ahmad berkata, penduduk dipindahkan selepas mendapati ombak besar berlaku hingga mencecah ketinggian hampir tiga meter sejak pukul 2 petang kelmarin.

"Sebahagian penduduk terlibat dipindahkan lebih awal untuk menjaga keselamatan mereka," katanya kepada *Kosmo!*


PEKERJA sebuah restoran ikan bakar mengeluarkan meja makan yang diselaputi lumpur untuk dibersihkan di Kuala Selangor semalam.



ANGGOTA bomba membersihkan lumpur di Jalan Bagan Pancor yang dinaiki air akibat fenomena air pasang besar di Pantai Remis semalam.



KEADAAN kawasan Politeknik Sultan Idris Shah di Sabak Bernam yang turut terkesan akibat fenomena air pasang besar.



AZIZAH ISMAIL menunjukkan keadaan dinding rumahnya yang diselaputi lumpur di Kampung Padang Salim, Kota Kuala Muda, Sungai Petani semalam.

INFO Banjir air pasang besar di Selangor

18 September 2016 (Ahad)

Lokasi	Masa	Ketinggian (m)
1.Kampung Tok Muda, Kapar	7.30 pagi-11.30 pagi	0.1 - 0.25
2.Pekan / Bagan Pasir Penambang		
Daerah Kuala Selangor	5.30 pagi-6.30 pagi	0.1 - 0.2
3.Taman Maznah, Klang	7.30 pagi-11.30 pagi	0.05 - 0.25
4.Taman Selat Selatan, Klang	7.30 pagi-11.30 pagi	0.05 - 0.2
5.Sementa, Klang	7.30 pagi-11.30 pagi	0.05 - 0.2
6.Kampung Sungai Pinang	7.30 pagi-11.00 pagi	0.9
7.Kampung Tok Muda, Pulau Indah, Klang	7.30 pagi-11.00 pagi	0.9
8.Kampung Sungai Air Tawar, Tebuk Mendeleng dan Sungai Lang, Daerah Sabak Bernam	5.30 pagi-6.30 pagi	0.6
9. Jalan Klang Banting, Pandamaran	7.30 pagi-11.00 pagi	0.9
10.Taman Selat Damai, Pelabuhan Klang	7.30 pagi-11.00 pagi	0.9
11.Pantai Kelanang, Banting	7.00 pagi	5.6
12.Pantai Remis, Kuala Selangor	7.00 pagi	5.6
13.Pekan Tanjung Karang (RHB dan hadapan Hospital Tanjung Karang)	7.30 pagi - 11.00 pagi	0.9

19 September 2016 (Isnin)

Lokasi	Masa	Ketinggian (m)
14.Jalan Klang Banting, Pandamaran	7.00 pagi - 8.30 pagi	0.3
15.Kampung Sungai Serdang	7.30 pagi - 11.00 pagi	0.9
16.Pantai Remis Kampung Sungai Sembilang Daerah Kuala Selangor	5.30 pagi - 6.30 pagi	0.1 - 0.2

Ombak datang begitu cepat macam tsunami

KLANG - Penduduk di beberapa buah kampung di sekitar daerah ini memberitahu, kejadian air pasang besar semalam merupakan yang paling buruk hingga merosakkan rumah mereka selain mendakwa ombak yang datang bagaikan tsunami.

Penduduk Kampung Tok Muda, Kapar di sini, Adanan Suratman, 55, berkata, rumahnya pertama kali dimasuki air sejak 25 tahun menetap di kampung tersebut.

"Deruan air masuk ke rumah pada pukul 7 pagi itu terlalu cepat seperti ombak tsunami hingga menyebabkan banyak peralatan seperti perabot, mesin basuh, peti ais dan kenderaan rosak akibat ditenggelami air antara 0.5 hingga 1 meter.

"Kami langsung tidak menduga air pasang besar

kali ini melepas ban (benteng) yang mempunyai ketinggian 5.2 meter hingga menyebabkan kira-kira 30 buah rumah lagi yang terletak 500 meter dari ban turut ditenggelami air," ceritanya ketika ditemui.

Seorang lagi penduduk, Ahmad Azhari Soraji, 45, mendakwa, dia kerugian RM10,000 akibat fenomena tersebut.

"Kami tidak sempat menyelamatkan apa-apa barang kerana air datang begitu cepat. Kami hanya dapat menyelamatkan diri sahaja," katanya.

Tinjauan *Kosmo!* di sekitar Pantai Remis, Jeram, Kuala Selangor pula mendapati, air pasang besar turut menenggelamkan beberapa buah kedai makan yang terletak di tepi pantai kawasan terbabit.



ADANAN



AHMAD AZHARI